

14/10/2003

Amanat penting PM 30 Oktober

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan amanat penting pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno terakhir, yang akan dipengeruskannya pada 30 Oktober ini.

Selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri akan berbuka puasa dan bersembahyang tarawih bersama timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta semua ahli MT selain jemputan khas, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata terpulang kepada Dr Mahathir selaku Presiden Umno bagaimana bentuk amanat yang akan disampaikan nanti.

"Setakat ini, yang kita tahu mesyuarat MT itu nanti adalah mesyuarat biasa. Tak tahulah kalau ada ahli MT ingin membuat sesuatu cadangan. Memandangkan masa itu nanti bulan puasa, maka kita adakan majlis berbuka puasa dan sembahyang tarawih. Kita akan jemput ramai orang," katanya.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata demikian selepas mewakili Abdullah merasmikan Persidangan Antarabangsa bertemakan `Ummah di Persimpangan Jalan: Peranan OIC', di sini semalam.

Mengenai penubuhan jawatankuasa penaja di semua 190 bahagian Umno termasuk 25 bahagian baru, Khalil berkata setakat ini jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan Abdullah sudah menemui kesemua perhubungan Umno negeri kecuali Pulau Pinang.

Katanya, pertemuan dengan perhubungan Umno negeri itu adalah bagi membincang lanjut senarai yang dikemukakan, manakala pertemuan dengan perhubungan Umno Pulau Pinang belum dapat diadakan kerana masalah banjir.

"Sekurang-kurangnya dua mesyuarat pengurusan lagi akan diadakan untuk membincang lanjut soal jawatankuasa penaja sebelum dikemukakan pada mesyuarat MT nanti untuk keputusan muktamad," katanya.

Mesyuarat MT pada 31 Julai lalu memutuskan membubarkan jawatankuasa di semua 165 bahagian Umno, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Penubuhan jawatankuasa penaja bagi 25 kawasan baru dilakukan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diluluskan Parlimen pada Jun lalu.